

13 NOV 1998

APEC-NEWS-MAHATHIR (DARURAT)/I

APEC PERLU BEKERJASAMA SEMASA DARURAT: KATA DR MAHATHIR

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Malaysia inginkan Apec supaya memperkukuhkan keupayaannya untuk bertindak dan melaksanakan pelbagai daya usaha dan mekanisme yang ia telah majukan ketika berlaku darurat yang dihadapi ekonomi-ekonomi yang terbabit.

Ketika membuat gesaan ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerjasama terutamanya dari ekonomi-ekonomi yang lebih maju adalah penting.

Akibat bencana alam di rantau Asia-Pasifik, lebih daripada 200,000 kematian dan lebih daripada AS\$5 bilion kerosakan material berlaku sejak 1990, katanya ketika merasmikan Pameran Perdagangan Antarabangsa Apec di Pusat Pameran Mines di sini.

Pameran yang berlangsung selama empat hari itu dianjurkan bersempena dengan forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) dari 12 hingga 18 Nov, mesyuarat yang dihadiri para pegawai kanan, menteri dan pemimpin dari 21 anggota ekonomi.

Dr Mahathir berkata di samping tema pameran "Peningkatan Persaingan Sejagat Menerusi Teknologi dan Pembangunan Sumber Manusia," ia juga menerima pakai "Kesediaan Darurat dalam Apec" sebagai tema sampingan.

"Dengan menggunakan tema ini, pameran ini menggalakkan pembinaan keupayaan dalam bidang kesediaan darurat di kalangan anggota-anggota negara ekonomi," kata Perdana Menteri.

Katanya dari pengalaman Malaysia, jerebu yang melanda tahun lalu yang berpunca dari kebakaran hutan telah menjejaskan industri pelancongan negara ini serta mengancam kesihatan penduduknya.

"Kita juga mendengar tahun ini tentang banjir di Peru, Papua New Guinea dan China dan taufan melanda di Filipina, Taipei dan Amerika Syarikat dengan kesan ketara ke atas ekonomi-ekonomi tersebut," katanya.

Apec dianggotai Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

Russia, Peru dan Vietnam akan menyertai Apec pada sidang kemuncak ini.

-- BERNAMA

ES MA